

PROSEDUR PEMBERITAHUAN MENGENAI KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN (NADOPOD)

1.0 TUJUAN

Prosedur ini disediakan bertujuan untuk menjadi panduan kepada pengurusan Universiti diperingkat induk atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) berhubung Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan (NADOPOD) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan semasa membuat siasatan dan menyediakan laporan aduan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan (NADOPOD) oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat OSHE di Universiti.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
- 3.2 Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) yang diwartakan dibawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- 3.3 Garis Panduan Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan 2004

4.0 DEFINISI / TAKRIFAN

Universiti	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
PTj	Pusat Tanggungjawab.
OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
NADOPOD	Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kemalangan Nyaris, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan.
<i>Person in Charge</i> (PIC)	Staf yang bertanggungjawab /penyelia/ penyelaras atau yang setara bagi satu-satu makmal/kawasan /premis/ pejabat/ tapak projek.

SLO	<i>Safety Liaison Officer</i> . Seorang yang dilantik oleh Ketua Pusat Tanggungjawab sebagai penyelaras berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di setiap PTj masing-masing.
Kemalangan	Suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja yang mengakibatkan kecederaan maut atau kecederaan tidak maut
Kecederaan Maut	Kecederaan yang membawa kepada kematian serta merta atau kematian dalam tempoh satu tahun tarikh kemalangan.
Kecederaan Tidak Maut	Kecederaan yang menghalang seorang pekerja daripada melaksanakan kerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja secara kekal atau sementara, atau Kecederaan yang memerlukan rawatan perubatan.
Kejadian Berbahaya	Suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam Lampiran 2.
Keracunan Pekerja dan Penyakit Pekerjaan	Keracunan atau penyakit yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja dan termasuk dalam kelas yang dinyatakan dalam Lampiran 3.
JKKP PTj	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat Pusat Tanggungjawab.
JKKPU	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti.
DOSH	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

5.0 PENGURUSAN NADOPOD

- 5.1 JKKP PTj hendaklah menyediakan saluran komunikasi yang sesuai dan praktik untuk membuat aduan berkaitan NADOPOD dan dimaklumkan kepada semua staf dan pelajar.
- 5.2 Semua staf, kontraktor (yang dilantik oleh UTHM), pelajar serta pelawat bertanggungjawab melaporkan sebarang Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan yang berlaku di UTHM kepada *Person in Charge* (PIC) di mana kejadian berlaku dalam tempoh 24 jam.
- 5.3 Bagi kemalangan yang menyebabkan Kecederaan Badan Yang Serious seperti di **Lampiran 1**, Kecederaan Maut, Kecederaan Tidak Maut yang menyebabkan tidak dapat bekerja lebih dari 4 hari, Kejadian Berbahaya seperti di **Lampiran 2** atau Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan seperti di **Lampiran 3** hendaklah dilaporkan dengan kadar segera kepada Pejabat OSHE dan siasatan akan dijalankan oleh Pejabat OSHE mengikut Garis Panduan Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian

Berbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan 2004 yang dikeluarkan oleh DOSH.

- 5.4 Bagi lain-lain kejadian selain perkara 5.3, satu jawatankuasa siasatan boleh ditubuhkan secara *Ad-hoc* melalui JKKP PTj atau SLO (bagi PTj yang tiada JKKP PTj). Siasatan berkaitan NADOPOD hendaklah dimulakan dengan kadar segera dan laporan siasatan hendaklah diserahkan kepada Pejabat OSHE dalam tempoh 7 hari daripada hari kejadian.
- 5.5 Kawasan Kemalangan dan Kejadian Berbahaya hendaklah tidak diganggu sehingga siasatan selesai dilakukan kecuali untuk mencegah kemalangan yang lebih serius atau memudahkan laluan bantuan.
- 5.6 Siasatan hendaklah dilakukan untuk mengumpulkan semua maklumat dan fakta melalui kaedah-kaedah yang berikut:
 - a. Mendapatkan keterangan;
 - b. Menemubual dan merekod kenyataan atau percakapan daripada mangsa/saksi/ PIC atau mereka yang berkenaan;
 - c. Menyiasat kawasan kejadian/kemalangan;
 - d. Mengambil gambar-gambar/video; dan
 - e. Mengumpul dokumen-dokumen, bahan-bahan bukti dan seumpamanya.
- 5.7 Laporan siasatan yang disediakan hendaklah mengandungi maklumat seperti berikut:
 - a. Maklumat kejadian (maklumat mangsa, maklumat saksi, tarikh dan masa kejadian, maklumat berkaitan kecederaan mangsa atau kerosakan yang dialami);
 - b. Kronologi sebelum, semasa dan selepas kejadian serta punca kejadian;
 - c. Cadangan langkah pencegahan;
 - d. Pengesahan dan ulasan Pengerusi JKKP PTj atau Ketua PTj (bagi PTj yang tiada JKKP PTj).
- 5.8 Laporan siasatan hendaklah dibentangkan oleh SLO di dalam Mesyuarat JKKP PTj untuk tindakan atau makluman ahli mesyuarat. Format pelaporan boleh menggunakan Borang Laporan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan (NADOPOD) (UTHM/OSHE/UP.002) sebagaimana **Lampiran 4**.
- 5.9 Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) dan Prosedur Kerja Selamat (SOP) hendaklah disemak semula bagi kejadian kemalangan yang melibatkan proses kerja yang berkaitan bagi memastikan kejadian kemalangan tidak berulang.
- 5.10 Rekod NADOPOD hendaklah disimpan dengan baik selama sekurang-kurangnya 5 tahun dari tarikh catatan itu dibuat.
- 5.11 Carta alir NADAPOD adalah seperti **Lampiran 5**.

KECEDERAAN BADAN YANG SERIUS

1. Emaskulasi
2. Kurang penglihatan yang kekal salah satu mata
3. Kurang pendengaran yang kekal salah satu telinga
4. Kurang mana-mana anggota atau sendi
5. Kemusnahan atau kerosakan yang kekal upaya mana-mana anggota atau sendi
6. Kecacatan yang kekal pada kepala atau muka
7. Patah atau dislokasi tulang
8. Hilang kesedaran akibat daripada kekurangan oksigen
9. Hilang kesedaran atau sakit akut akibat daripada penyerapan, penyedutan atau pengingesan apa-apa bahan, yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan berdaftar
10. Apa-apa hal tentang keadaan tidak sihat akut yang terdapat sebab untuk dipercayai bahawa hal ini ialah akibat daripada pendedahan kepada patogen terasing atau bahan yang dijangkiti, semasa bekerja
11. Apa-apa kecederaan atau luka terbakar lain yang berhubungan dengan kerja yang mengakibatkan orang yang tercedera dimasukkan ke dalam hospital dengan serta-merta selama lebih daripada 24 jam

KEJADIAN BERBAHAYA

KERUNTUHAN PERANCAH

1. Keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada mana-mana perancah yang tingginya lebih daripada 5 meter yang mengakibatkan sebahagian besar daripada perancah jatuh atau terbalik.

KERUNTUHAN BANGUNAN ATAU STRUKTUR

2. Di mana-mana bangunan atau struktur yang dalam pembinaan, pembinaan semula, pengubahsuaian atau perobohan, keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada manamana bahagian bangunan atau struktur itu, atau daripada mana-mana topang sementara, kecuali jika cara dan takat keruntuhan atau keruntuhan sebahagian disengajakan.

LITAR PINTAS ELEKTRIK

3. Litar pintas atau beban lampau elektrik yang disertai api atau letupan yang mengakibatkan pemberhentian loji yang terlibat selama lebih daripada 24 jam dan yang mungkin boleh menyebabkan kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang.

PELEPASAN BAHAN

4. Pembebasan atau pelepasan tidak terkawal apa-apa bahan atau agen dalam hal keadaan yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan kepada kesihatan atau kecederaan yang serius kepada mana-mana orang.

LETUPAN, KEBAKARAN ATAU KEGAGALAN STRUKTUR

5. Letupan, kebakaran atau kegagalan struktur yang menjejaskan keselamatan atau kekuatan mana-mana tempat kerja atau loji yang terdapat di dalam tempat kerja itu.
6. Apa-apa letupan atau kebakaran yang berlaku di mana-mana tempat kerja yang berpunca daripada penyalaan bahan terproses, barangan sampingan atau barangan siapnya yang mengakibatkan pemberhentian atau penggantungan kerja biasa di tempat itu selama lebih daripada 24 jam.
7. Peletusan bekas yang berputar, roda, batu pengasah atau roda pengasah yang digerakkan oleh kuasa mekanik.
8. Peletusan, peletupan atau keruntuhan talian paip atau mana-mana bahagiannya; atau penyalaan apa-apa benda di dalam talian paip, atau apa-apa benda yang sebaik sebelum ia dinyalakan, berada di dalam talian paip.
9. Peletupan, keruntuhan, peletusan atau kegagalan struktur yang menjejaskan keselamatan atau kekuatan apa-apa vesel tertutup termasuklah dandang stim atau vesel tekanan tidak berapi; kehilangan air, peleduran palam boleh lakur dan peletusan tiub.
10. Kebakaran atau letupan di dalam sesuatu gudang atau kawasan penyimpanan di mana bahan berbahaya disimpan.

JENTERA PENGANGKAT DSB

11. Keruntuhan, keterbalikan atau kegagalan apa-apa beban yang menahan sebahagian daripada mana-mana kren, derik, win pesawat angkat, kerangka cerucuk, lif, pengorek atau perkakas lain yang digunakan untuk menaikkan atau menurunkan orang atau barang atau mana-mana bahagiannya.

KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

1. KERACUNAN

- (a) Monomer Akrilamida
- (b) Alkohol
- (c) Antimoni
- (d) Arsenik
- (e) Benzena atau homolog
- (f) Berilium atau salah satu daripada sebatianya
- (g) Kadmium
- (h) Karbon disulfida
- (i) Gas karbon monoksida
- (j) Gas karbon dioksida
- (k) Kromium
- (l) Dietilena dioksida (dioksana)
- (m) Etilena oksida
- (n) Fluorin
- (o) Gas hidrogen sianida atau gas hidrogen sulfida
- (p) Plumbum atau sebatian plumbum
- (q) Mangan atau sebatianya
- (r) Raksa atau salah satu daripada sebatianya
- (s) Metil bromida
- (t) Nitroklorobenzena, atau terbitan nitro, amino atau kloro daripada benzena atau homolog benzena
- (u) Nikel
- (v) Wasap nitrus
- (w) Organoklorin, organofosfat, karbamat, nitrofenol, pentaklorofenol, dimetilditiokarbamat atau sebatian klorofenoksi dan dipiridil
- (x) Fosforus
- (y) Kayu Rengas
- (z) Terbitan halogen daripada hidrokarbon alifatik atau aromatik

2. JANGKITAN

- (a) Antraks (Pekerjaan yang melibatkan pengendalian benang bulu, rambut, bulu kejur, belulang atau kulit atau hasil-hasil atau baki-baki lain daripada binatang, atau hubungan dengan binatang-binatang yang dijangkiti antraks).
- (b) Glanders (Pekerjaan yang melibatkan hubungan dengan binatang jenis kuda atau bangkainya).
- (c) Leptospirosis (Pekerjaan yang melibatkan kerja di tempat-tempat yang banyak tikus atau rodent yang lain dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan penjagaan atau pengendalian anjing-anjing, lembu kerbau, babi dan kuda atau mana-mana binatang lain yang telah dijangkiti penyakit).
- (d) Tuberkulosis atau kusta
- (e) Hepatitis virus
- (f) Apa-apa penyakit yang disebabkan oleh patogen
- (g) *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS)

3. PENYAKIT KULIT

- (a) Akne (Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenic).
- (b) Keulseran pada permukaan kornea mata (Kerja yang melibatkan pengendalian, atau pendedahan kepada tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga, habuk organik atau apa-apa baki mana-mana bahan ini).
- (c) Ketumbuhan baru setempat pada kulit, papiloma atau keratitis.

- (d) Barah epitelium atau ulser pada kulit disebabkan, dalam apa-apa hal, oleh tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga atau apa-apa sebatian, hasil atau baki mana-mana bahan ini.
- (e) Folikulitis (Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik).
- (f) Barah kulit (Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik).
- (g) Keulseran krom (Kerja yang melibatkan penggunaan atau pengendalian asid kromik, kromat atau bikromat ammonia, kalium, zink atau natrium, atau apa-apa persediaan atau larutan yang mengandungi mana-mana bahan ini).
- (h) Radang, keulseran atau penyakit malignan pada kulit atau tisu subkulitan tulang atau leukemia, atau anemia jenis aplasia akibat sinaran X, zarah mengion, radium atau bahan radioaktif lain atau bentuk tenaga sinaran lain.
- (i) Selulitis subkulitan atau bursitis akut yang terjadi pada sekitar lutut. (Kerja yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada atau di sekitar lutut).
- (j) Selulitis subkulitan pada tangan. (Kerja yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada tangan).
- (k) Selulitis subkulitan atau bursitis akut yang terjadi pada atau di sekitar siku. (Kerja yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada siku).
- (l) Dermatitis pekerjaan (Kerja yang melibatkan pengendalian minyak mineral, asid, alkali, habuk atau apa-apa agen luaran lain yang boleh mengganggu kulit).
- (m) Penyakit kulit yang disebabkan oleh kayu Rengas. (Pengerjaan kayu Rengas atau apa-apa proses dalam atau bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya).

3. PENYAKIT PARU-PARU

- (a) Barah paru-paru atau mesotelioma.
- (b) Penyakit bronko pulmonari
- (c) Kerengsaan pulmonari
- (d) Asma pekerjaan yang disebabkan oleh pemeka atau perengsa
- (e) Pneumokoniosis (silikosis, asbestosis, antrakosilikosis, stanosis, siderosis atau siderosilikosis)
- (f) Alveolitis ekstrinsik (penyakit paru-paru petani)
- (g) Bisinosis
- (h) Barah bronkus atau paru-paru
- (i) Penyakit fibrotik

4. KEADAAN LAIN

- (a) Barah (Barah yang disebabkan oleh 4-aminobifenil, Arsenik, Benzena, Benzidina, Bis-kloro metil eter, Kromium, Hematit, Gas mustard, β -naftilamina, Nikel, Jelaga, tar dan minyak, Vinil klorida, Hidrokarbon aromatik polisiklik berbentuk, Akrilonitril, 1,2-dibromoetana (etilena dibromida), Habuk kayu, Benzopirena atau Formaldehid)
- (b) Katarak sinaran haba
- (c) Kejang haba atau strok haba
- (d) Radang salutan sendi pergelangan tangan dan sarung tendon
- (e) Kejang tangan atau lengan bawah akibat pergerakan berulang
- (f) Penyakit udara mampat atau susulannya
- (g) Kerosakan pendengaran disebabkan kebisingan
- (h) Penyakit disebabkan getaran (masalah otot, tendon, tulang, kepada getaran. sendi, saluran darah atau saraf)



**BORANG LAPORAN KEMALANGAN, KEJADIAN BERBAHAYA, PENYAKIT PEKERJAAN
DAN KERACUNAN PEKERJAAN**

1. BUTIRAN KEJADIAN	
i. Tarikh : _____ ii. Masa : _____ iii. Lokasi : _____ iv. PTj : _____	v. Jenis Kejadian : <input type="checkbox"/> Kemalangan <input type="checkbox"/> Kejadian Berbahaya <input type="checkbox"/> Penyakit Pekerjaan <input type="checkbox"/> Keracunan Pekerjaan
2. BUTIRAN MANGSA <i>(Sila gunakan lampiran sekiranya mangsa lebih dari seorang)</i>	
i. Nama : _____ ii. No. K.P/ No.Paspot : _____ v. Status : <input type="checkbox"/> Staf <input type="checkbox"/> Pelajar <input type="checkbox"/> Pekerja Kontrak <input type="checkbox"/> Orang Awam	ii. Umur : _____ iv. Jantina : _____
3. KECEDERAAN DAN RAWATAN	
i. Nama Klinik/Hospital : _____ ii. Jenis Rawatan Yang Diberikan : _____ iii. Bahagian Anggota Yang Tercedera : _____ iv. Cuti Sakit : _____ hari (Tarikh _____)	
4. PERINCIAN KEJADIAN	
<i>(Sila jelaskan secara terperinci keadaan sebelum, semasa dan selepas Kemalangan/ Kejadian Berbahaya/ Penyakit Pekerjaan/ Keracunan Pekerjaan ini berlaku. Gunakan lampiran sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.)</i>	
Sebelum Kejadian:	
Semasa Kejadian:	
Selepas Kejadian:	

5. PUNCA KEJADIAN

6. KEROSAKAN HARTA BENDA

(Sila nyatakan harta benda dan anggaran kos yang terlibat)

7. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

(Sila nyatakan cadangan penambahbaikan yang diambil bagi mengelakkan kejadian daripada berulang.)

8. PERAKUAN LAPORAN

Saya mengaku segala butir-butir dan maklumat yang saya berikan di atas adalah benar.

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

(Pelapor)

(SLO/ Setiausaha JKKP PTj)

Nama :

Nama :

No. K.P :

Tarikh :

Tarikh :

**Sila lampirkan dokumen sokongan seperti sijil cuti sakit dan/ atau bukti bergambar berkaitan dengan kejadian.*

8. ULASAN DAN PENGESAHAN KETUA PTj

Ulasan Ketua PTj :

Tarikh : _____

(Tandatangan & Cop Rasmi Ketua PTj)

Perhatian:

Sila majukan satu salinan borang ini yang telah lengkap diisi kepada Bahagian Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) untuk tujuan penyimpanan rekod.

CARTA ALIR NADOPOD



